

16/12/1999

WIM minta kaji semula kuota wanita dalam Kabinet

KUALA LUMPUR, Rabu - Institut Pengurusan Wanita (WIM) hari ini mengesa Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menimbang semula keputusannya mengurangkan jumlah menteri wanita dalam Kabinet barunya.

Timbalan Pengerusinya, Datuk Dr Nellie Tan dalam surat terbuka kepada Dr Mahathir berkata, kajian semula perlu berikutan kejayaan cemerlang ramai calon wanita memenangi kerusi Parlimen dalam pilihan raya yang lalu.

Beliau yang mengadakan sidang akhbar di ibu pejabat WIM di sini hari ini, berkata pelantikan itu dianggap penting sebagai pengiktirafan kerajaan terhadap sumbangan kaum wanita dalam memastikan kejayaan Barisan Nasional (BN) dalam pilihan raya yang lalu.

"Kenyataan yang anda buat, tuan (Dr Mahathir), pada pengumuman barisan Kabinet baru bahawa anda ingin untuk melantik lebih ramai menteri wanita tetapi tidak menemui calon yang sesuai, adalah satu penghakiman yang serius terhadap tahap kemampuan dan kepimpinan wanita Malaysia.

"Jika kenyataan yang dilapor media itu benar, saya terpaksa bersikap jujur bahawa ia telah mencetus kebimbangan dan reaksi negatif di kalangan wanita Malaysia dan saya meminta beliau (Dr Mahathir) menjelaskan asas kenyataan itu," katanya dalam surat terbuka kepada Perdana Menteri yang dikeluarkan pada sidang akhbar itu.

Dr Mahathir pada sidang akhbar ketika mengumumkan senarai Kabinet barunya pada 11 Disember lalu, melahirkan rasa kesalnya kerana tidak boleh menyenaraikan tiga menteri wanita dalam Kabinetnya yang baru.

"Kalau boleh saya ingin mempunyai tiga atau lebih (menteri) tetapi ia tidak dapat dilakukan... tapi kita akan menebusnya dengan cara lain," katanya menjawab pertanyaan pemberita mengenai kekurangan satu jawatan menteri untuk wanita dalam kabinet barunya.

Dr Nellie berkata, kesukaran Perdana Menteri untuk mencari calon wanita sesuai bagi jawatan menteri kabinet sukar untuk diterima, kerana Malaysia mempunyai begitu ramai wanita yang mencatat pencapaian cemerlang termasuk di gelanggang antarabangsa.

Beliau berkata, terdapat sekurang-kurangnya seorang tokoh wanita yang boleh diberi jawatan menteri, manakala dua lagi untuk jawatan Setiausaha Parlimen berdasarkan pengalaman serta taraf pendidikan mereka.

Antara mereka, katanya, ialah seorang Timbalan Ketua Pergerakan wanita dari Barisan Nasional yang tidak disebut nama, tetapi ternyata merujuk kepada Datuk Napsiah Omar, kerana beliau adalah satu-satunya tokoh wanita yang pernah memegang jawatan di tiga kementerian sebelum ini sebelum berpindah ke Dewan Undangan Negeri (DUN) pada pilihan raya 1995.

Dalam pada itu, Dr Nellie berkata, gesaan itu dibuat kerana 50 peratus daripada jumlah pengundi yang berdaftar pada pilihan raya lalu adalah wanita.

"Saya meminta Dr Mahathir supaya menimbang semula jumlah jawatan menteri wanita di dalam Kabinetnya kerana mereka mampu menyumbang kepada pembangunan negara," katanya.

(END)